

03/09/2001

BPR patut siasat Tabung Haji

LEMBAGA Tabung Haji (Tabung Haji), mengumumkan pelantikan Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Berhad, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail, sebagai pengerusi Jawatankuasa Panel Pelaburan Tabung Haji, berkuat kuasa kelmarin. Pelantikan itu sebagai memenuhi saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu Tabung Haji dianggotai lebih ramai profesional bagi menukar strategi dan mampu membuat pelaburan bijak. Diharapkan panel pelaburan itu dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan cekap dalam mengatasi masalah yang melanda Tabung Haji sekarang.

Tugas panel ini cukup mencabar kerana diwujudkan semula selepas dibubarkan pada 1995, ketika Tabung Haji berada dalam keadaan gawat. Banyak perkara berkaitan pelaburan perlu dikaji dan disemak semula kerana ia adalah sebahagian punca masalah yang melanda Tabung Haji sekarang. Penubuhan Jawatankuasa Panel Pelaburan, dialu-alukan. Tabung Haji walaupun sudah mempunyai jawatankuasa panel pelaburan baru, namun pelbagai keputusan pelaburan sebelum ini perlu disiasat. Badan Pencegah Rasuah (BPR) sepatutnya sudah pun menjalankan siasatan terhadap pelbagai pelaburan sebelum ini sama ada berlaku penyelewengan atau tidak dan apakah ada unsur rasuah dalam pelaburan itu?

BPR tidak sepatutnya menunggu hingga ada aduan, baru hendak menjalankan tugasnya. Pendedahan mengenai kepincangan Tabung Haji yang dilaporkan media massa sejak awal tahun ini, dengan terbaru kes penipuan membabitkan pengeluaran wang RM8 juta dari kaunter Tabung Haji melalui pemalsuan dokumen sudah cukup untuk BPR bertindak. Bagaimanapun, sehingga sekarang tidak kedengaran sama ada BPR sudah menjalankan siasatan terhadap isu yang kurang menyenangkan itu.

(END)